

## SIARAN MEDIA

### SENTUHAN KASIH KPKT BANTU TINGKATKAN KESEJAHTERAAN PENDUDUK SUNGAI SIPUT

---

**SUNGAI SIPUT, 30 Oktober 2023** – Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah mengadakan satu lawatan kerja sempena Program Sentuhan Kasih KPKT ke Sungai Siput, Perak pada pagi ini.

YB KM telah turun padang melawat Projek Bantuan Baik Pulih Rumah Kampung Baru Rimba Panjang dan Tapak Projek Bina Baharu Rumah Kampung Baru Simpang Jalong. Beliau turut meninjau pelaksanaan projek menaik taraf dan membaik pulih kemudahan awam serta infrastruktur di perkarangan gelanggang badminton dan Pasar Awam Sungai Buloh.

Dalam majlis sama, beliau telah mengumumkan peruntukan sebanyak **RM11.03 juta** melibatkan projek-projek yang akan dilaksanakan seperti berikut;

1. 58 buah projek baik pulih rumah di kampung-kampung dalam daerah Sg Siput (Bahagian Kampung Baru Cina) sebanyak RM840,219.00;
2. Dua (2) projek bina baru rumah (SPNB) sebanyak RM132,000.00;
3. 23 projek pembangunan di Kampung-kampung Baru seluruh daerah Sg Siput (Bahagian Kampung Baru Cina) sebanyak RM3.26 juta ;
4. 16 projek pembangunan yang akan dilaksanakan oleh MPKK sebanyak RM3.92 juta;
5. Tujuh (7) projek menyelenggara kolam tadahan (MPKK) sebanyak RM1.65 juta;
6. Penyelenggaraan lampu LED kepada MPKK sebanyak RM1 juta; dan
7. Peruntukan Inisiatif Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) sebanyak RM237,000 kepada Kuil Hindu Sri Subramanyar Alaya Devasthanam Paribalana Saba Sungai Siput (U).

Menurut YB KM, “Kerajaan Persekutuan yakin ‘sentuhan kasih KPKT’ yang telah diberikan adalah berdasarkan keperluan menerusi inisiatif KPKT dalam memastikan keselesaan dan kesejahteraan rakyat di kawasan Sungai Siput terus terpelihara. Keseluruhan peruntukan ini merupakan “*performance-based budget*” atau peruntukan berlandaskan pelaksanaan bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan.”

Tambah beliau, “Pembinaan Rumah MADANI Rakyat di bawah Program Bina Baharu Rumah Kampung Baru pula adalah menggunakan peruntukan KPKT sepenuhnya di mana Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi pelaksana. Dengan harga mampu milik iaitu RM70 ribu seunit, Rumah MADANI Rakyat ini dibina dengan keluasan 660 kaki persegi merangkumi 3 bilik tidur dan 2 bilik air dalam untuk meningkatkan kualiti kehidupan keluarga luar bandar. Sebanyak 22 unit Rumah Bina Baharu Kampung Baru akan dibina di Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Selangor.”

Turut hadir semasa rangka lawatan kerja ialah YB Tuan Kesavan A/L Subramaniam, Ahli Parlimen Sungai Siput; YB Tuan Loh Sze Yee, ADUN Jalung; YB Puan Sandra Ng Shy Ching, EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YBrs. Dr. Sakduddin Bin Zamli, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Kangsar serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua- ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT akan terus memfokuskan kepada pelbagai usaha dan inisiatif yang dilaksanakan secara bersepadu dan inklusif bagi merealisasikan perancangan pembangunan yang mampan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

*#MalaysiaMadani*  
*#StrongerTogether*  
*#DemiPertiwi*  
*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@pkt.gov.my](mailto:media.ukk@pkt.gov.my)*

